

LHDN kutip RM137b cukai

Berita Harian (2/10/2019) M/S 05

➔ Catat rekod baru kutipan, naik 11.13 peratus

Oleh Irwan Shafrizan Ismail
irwansha@nstp.com.my

Putrajaya

Prestasi kutipan kasar cukai langsung negara yang dikutip Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) bagi 2018 berjumlah RM137.03 bilion.

Menteri Kewangan, Lim Guan Eng, berkata kutipan itu meningkat sebanyak 11.13 peratus atau RM13.72 bilion berbanding 2017.

Prestasi itu, katanya, adalah sejarah baru kutipan hasil cukai langsung negara dan turut mengatasi pencapaian terbaik kutipan cukai langsung yang direkodkan pada 2014 iaitu RM133.7 bilion.

"Peningkatan ini disumbangkan oleh peningkatan kutipan daripada komponen pembayar cukai seperti syarikat, individu, petroleum, koperasi, duti setem dan lain-lain.

Bukti ekonomi kukuh

"Selain daripada mencerminkan keberkesanan kepemimpinan bersih dan pentadbiran Cepak, Akauntabiliti dan Telus (CAT), peningkatan hasil ini juga menunjukkan bahawa pertumbuhan ekonomi masih menggalakkan dalam 2018," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Guan Eng berkata, kutipan hasil daripada cukai pendapatan (selain petroleum) menyumbang kira-kira RM116.953 bilion atau 85.35 peratus daripada jumlah keseluruhan ku-

KUTIPAN CUKAI LANGSUNG (KASAR) MENGIKUT KOMPONEN BAGI TAHUN 2018

| Komponen | Jumlah kutipan tahun 2018 (RM juta) | Peningkatan / (penurunan) berbanding tahun 2017 (RM juta) | Peningkatan / (penurunan) berbanding tahun 2017 (%) | Sumbangan kepada jumlah kutipan tahun 2018 (%) |
|--------------------------------|-------------------------------------|---|---|--|
| Syarikat | 70,036 | 1,234 | 1.79 % | 51.11 % |
| Individu | 36,065 | 4,164 | 13.05 % | 26.32 % |
| Petroleum | 20,082 | 8,321 | 70.75 % | 14.66 % |
| Duti setem | 5,934 | 264 | 4.66 % | 4.33 % |
| Cukai pegangan | 3,117 | (150) | -4.58 % | 2.27 % |
| CKHT* | 1,467 | (231) | -13.63 % | 1.07 % |
| Koperasi | 171 | 96 | 129.43 % | 0.12 % |
| Labuan IOFC** dan lain-lain*** | 163 | 25 | 18.12 % | 0.12 % |
| | 137,035 | 13,723 | 11,13 % | 100 % |

* CKHT Cukai Keuntungan Harta Tanah ** IOFC International Offshore Centre

*** Lain-lain (merangkumi bayaran Seksyen 124 ACP 1967, bayaran mahkamah, faedah bank, hasil guaman, pendaftaran perniagaan dan bayaran perkhidmatan seksyen 138B ACP 1967)

tipan pada 2018.

Katanya, komponen syarikat adalah penyumbang terbesar iaitu RM70.036 bilion atau 51.11 peratus diikuti komponen individu berjumlah RM36.065 bilion atau 26.32 peratus.

"Diikuti kutipan hasil cukai petroleum berjumlah RM20.08 bilion atau 14.66 peratus, kutipan duti setem berjumlah RM5.93 bilion atau 4.33 peratus, cukai pegangan (RM3.11 bilion atau 2.27 peratus), kutipan cukai keuntungan harta tanah (CKHT) (RM1.46 bilion atau 1.07 peratus), cukai koperasi (RM0.171 bilion atau 0.12 peratus) dan Labuan International Offshore Centre (IOFC) serta cukai lain berjumlah RM0.163 bilion atau 0.12 peratus," katanya.

Tambah beliau, prestasi kutipan yang sangat memberangsangkan adalah kesan daripada strategi efektif dan berkesan berkaitan percukaaian yang ditetapkan oleh Kerajaan Pakatan Harapan yang mentadbir negara selepas kejayaan pada Pilihan Raya Umum Ke-14 pada Mei tahun lalu.



Lim Guan Eng

"Penjajaran semula strategi kutipan cukai yang ditetapkan oleh kerajaan kepada LHDN terbukti membuahkan hasil. Antara strategi itu adalah aktiviti penguatkuasaan cukai, khususnya membabitkan tindakan audit dan siasatan yang dibuat dengan lebih profesional.

"Program pendidikan cukai yang berfokus; penambahbaikan tatacara dalam pengenaan tindakan sekatan perjalanan kepada pembayar cukai yang mempunyai tunggakan cukai dan tatacara yang lebih ketat berhubung penggunaan peruntukan kuasa di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Ha-

ram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil dari Aktiviti Haram 2001 (AMLA-TFPUAA) di dalam aktiviti penguatkuasaan," katanya.

Kerajaan telus

Guan Eng berkata, ketelusan dan tahap integriti yang tinggi oleh kerajaan dalam membelanjakan setiap sen cukai yang dikutip daripada rakyat turut memainkan peranan yang amat penting dalam meningkatkan tahap pematuhan yang lebih baik dalam kalangan pembayar cukai dan menyumbang kepada peningkatan ini.

"Faktor ini secara langsung meningkatkan keyakinan dan kepercayaan rakyat kepada kerajaan dan mendorong mereka mengisytiharkan serta membayar cukai yang sepatutnya secara sukarela.

"Kerajaan juga ingin mengucapkan terima kasih kepada rakyat yang menjalankan tanggungjawab mereka membayar cukai dan berharap agar terus melaksanakan tanggungjawab ini untuk memajukan negara," katanya.

GRAFIK BH